

Gai usaha Usda promosi pelancongan Labuan

kerajaan penting an usaha pelancon- mengger- terosotan

(Usda) Labuan baru-baru ini.

Program Kesihatan dan Kecerdasan yang berlangsung sehari di Dewan JKR itu telah melibatkan pelbagai program untuk semua golongan meliputi kanak-kanak, wanita dan lelaki bertemakan pakaian Halloween.

Rozman asa mem- lap usaha agai pro- tatan dan

Antara aktiviti yang telah dijalankan dengan kerjasama KRT Mutiara ialah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka boling kelapa, golf kampung, *mimpanau*, jualan gerai dan pameran, senaman zumba, cabutan bertuah, kos- tum terbaik dan kutipan derma untuk badan amal.

harapkan keunikan perbilang ana pro- produk lar," kata program Bersatu

Kira-kira 300 orang menyertai program itu yang terdiri daripada kalangan ahli Usda dan masyarakat umum di Labuan.

Terdahulu dalam ucapannya, Pengerusi Usda Labuan, Joe Ragan berkata program itu adalah simbolik memperkenalkan

Usda sebagai persatuan etnik Dusun yang terawal di Sabah kepada umum.

"Usda telah ditubuhkan pada tahun 1961 sebelum kemerdekaan Sabah bersama Malaysia dan telah melewati perjalanan sejarah yang panjang untuk mengangkat warisan tradisi etnik yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan," kata Joe.

Program kesihatan dan kecerdasan itu bukan sekadar untuk kesihatan tetapi juga program amal untuk mengumpul dana yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memenuhi sebahagian keperluan anak yatim dan Asnaf.

Program itu merupakan kali kedua seumpamanya diadakan Usda yang bukan sahaja telah melibatkan masyarakat Kadazandusun Murut tetapi juga semua golongan masyarakat di Labuan.

Rozman hargai usaha Usda promosi pelancongan Labuan

LABUAN: Semua badan bukan kerajaan (NGO) mempunyai peranan penting untuk membantu merealisasikan usaha menjadikan Labuan destinasi pelancongan, sebagai alternatif baharu menggerakkan ekonomi selepas kemerosotan industri minyak dan gas.

Ahli Parlimen Labuan, Datuk Rozman Datuk Isli berkata pihaknya sentiasa memberikan sokongan penuh terhadap usaha semua pihak melaksanakan pelbagai program kekeluargaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.

"Malahan kita amat mengharapkan agar usaha menyerlahkan keunikan warisan tradisi budaya dan seni berbilang etnik dapat disemarakkan kerana program seperti itu merupakan produk pelancongan yang amat popular," kata Rozman ketika melancarkan program amal Persatuan Dusun Sabah Bersatu

(Usda) Labuan baru-baru ini.

Program Kesihatan dan Kecerdasan yang berlangsung sehari di Dewan JKR itu telah melibatkan pelbagai program untuk semua golongan meliputi kanak-kanak, wanita dan lelaki bertemakan pakaian Halloween.

Antara aktiviti yang telah dijalankan dengan kerjasama KRT Mutiara ialah pertandingan mewarna kanak-kanak, sukaneka boling kelapa, golf kampung, *mimpanau*, jualan gerai dan pameran, senaman zumba, cabutan bertuah, kostum terbaik dan kutipan derma untuk badan amal.

Kira-kira 300 orang menyertai program itu yang terdiri daripada kalangan ahli Usda dan masyarakat umum di Labuan.

Terdahulu dalam ucapannya, Pengerusi Usda Labuan, Joe Ragan berkata program itu adalah simbolik memperkenalkan

Usda sebagai persatuan etnik Dusun yang terawal di Sabah kepada umum.

"Usda telah ditubuhkan pada tahun 1961 sebelum kemerdekaan Sabah bersama Malaysia dan telah melewati perjalanan sejarah yang panjang untuk mengangkat warisan tradisi etnik yang boleh dijadikan sebagai produk pelancongan," kata Joe.

Program kesihatan dan kecerdasan itu bukan sekadar untuk kesihatan tetapi juga program amal untuk mengumpul dana yang disalurkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat bagi memenuhi sebahagian keperluan anak yatim dan Asnaf.

Program itu merupakan kali kedua seumpamanya diadakan Usda yang bukan sahaja telah melibatkan masyarakat Kadazandusun Murut tetapi juga semua golongan masyarakat di Labuan.